

## **PERBANDINGAN TENTANG KONSEP KEMISKINAN PENDEKATAN KONVENTSIONAL DAN ISLAM**

**Radieah Mohd Nor**

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan

Universiti Sains Malaysia

11800 Minden, Pulau Pinang

Tel: 04-6532656

E-mel: radieah@gmail.com

### **Abstrak**

Masalah kemiskinan tidak putus-putus walaupun pelbagai usaha telah dilakukan. Penulisan ini cuba mencari punca kepada permasalahan ini dengan kembali kepada dimensi yang paling asas. Dimensi yang dimaksudkan ini ialah konsep kemiskinan itu sendiri. Apakah mungkin permasalahan kemiskinan selama ini tidak dapat diselesaikan kerana konseptualnya tidak tepat? Oleh kerana konsep kemiskinan dari perspektif konvensional telah banyak dibincangkan, artikel ini menumpukan kepada konsep kemiskinan dari perspektif Islam. Ia dibina bermula dengan analisis kritis terhadap konsep kemiskinan konvensional, kemudian menghubungkannya dengan jawapan kenapa selama ini permasalahan ini tidak dapat diselesaikan dengan konsep kemiskinan tersebut. Konsep kemiskinan dari perspektif Islam dan hubungannya dengan keupayaan mengatasi masalah kemiskinan ini kemudian dijadikan fokus perbincangan artikel ini. Ia merumuskan bahawa konseptual memainkan peranan penting dalam usaha mengatasi masalah kemiskinan. Tepat konseptual maka tepatlah usaha mengatasinya. Kegagalan usaha mengatasi masalah kemiskinan selama ini adalah berpunca daripada ketidaktepatan konsep kemiskinan yang dikemukakan dari perspektif konvensional.

Kata kunci: Kemiskinan, konsep.

### **DEFINTION OF POVERTY: A COMPARATIVE ANALYSIS BETWEEN THE CONVENTIONAL DEFINITIONS AND ISLAMIC DEFINITIONS**

Problems on poverty are endless although various efforts have been made. This article attempts to find the root cause of this problem by going back to the most basic dimension. This intended dimension is the concept of poverty itself. Could it be possible that the reason the problems of poverty could not be solved over the years due to its inaccurate conceptual? Since the concept of poverty has been much discussed from the conventional perspective, this article focuses on the concept of poverty from the Islamic perspective. It starts through a critical analysis of the conventional concept on poverty and then links answer as to why this problem cannot be resolved through such conceptual on poverty. The concept of poverty from the perspective of Islam and its relationship with the ability to overcome the problem of poverty is then used as the focus of discussion of this artical. It concludes that the definition plays an important role in efforts to overcome poverty. A precise conceptual leads to an accurate effort to overcome. The failed efforts to overcome poverty all this while could be due to the inaccurate concept of poverty presented from conventional perspective.

Key words: Poverty, concept.

## **1.0 Pendahuluan**

Isu kemiskinan merupakan antara isu popular yang sering menjadi fokus perbincangan ahli akademik, pembuat dasar, ahli politik dan golongan masyarakat (Mansur Jusoh, 1986:1). Namun tiada kata putus yang tepat mengenainya walaupun pelbagai pihak terlibat membincangkan fenomena tersebut (U. A. Aziz, 1969).

Perbincangan tentang kemiskinan juga melibatkan persoalan tentang konseptual kemiskinan itu sendiri. Antara pihak yang terlibat membincangkan konseptual tersebut ialah agensi-agensi yang terlibat dengan program membasmi kemiskinan seperti Bank Dunia (2010) dan United Nations Development Programme (UNDP) (2004) serta para sarjana seperti Chamhuri Siwar & Surtahman Kastin Hasan (2004:374-376), Robert & Alfred (2005), McPherson & Silburn (1998:1), Sen (1979) dan Lewis (1963). Walau bagaimanapun, artikel ini akan memfokuskan kepada konsep kemiskinan konvensional yang diutarakan oleh Bank Dunia (2010) dan UNDP (2004). Konseptual daripada dua agensi ini dipilih memandangkan konseptual yang dikemukakan oleh pihak lain kebanyakannya adalah hampir menyerupai konseptual yang dikemukakan oleh kedua-dua agensi ini.

## **2.0 Konseptual Kemiskinan Dari Perspektif Konvensional**

Terdapat dua perkara yang hampir sama ditekankan oleh Bank Dunia (2010) dan UNDP (2004). Dua perkara tersebut ialah kepenggunaan dan pendapatan. Konsep kemiskinan yang dikemukakan dari sudut kepenggunaan merujuk kepada keperluan hak asasi manusia untuk hidup seperti ketiadaan pakaian serta tempat tinggal yang baik, buta huruf, kekurangan makanan, kesukaran memperoleh barang atau perkhidmatan, infrastruktur yang tidak

memuaskan, ketiadaan air bersih, kekurangan pendidikan dan komunikasi (Bank Dunia, 2010 dan UNDP, 2004).

Konseptual tentang kemiskinan dari sudut pendapatan pula, kedua-dua agensi ini berdasarkan pendapatan individu yang diperoleh dalam sehari sebagai indikator. Bank Dunia (2010) telah menetapkan bahawa garis kemiskinan berlaku apabila seseorang itu hidup di bawah \$1.25 atau \$2 sehari. Miskin mutlak bagi pertubuhan ini adalah apabila seseorang itu berada di bawah paras pendapatan \$1.25 sehari. Manakala individu yang memiliki paras pendapatan bawah \$2 sehari, dikategorikan sebagai miskin relatif<sup>1</sup>. Namun, kategori miskin mutlak berbeza ukurannya dengan UNDP (2004). Menurut UNDP (2004), golongan yang dikatakan miskin mutlak berlaku apabila seseorang itu memiliki pendapatan di bawah \$1 setiap hari berdasarkan Matlamat Pembangunan Milenium (*The Millennium Development Goals, MDGs*). Bank Dunia (2010) menyifatkan definisi tersebut sebagai definisi yang diukur dari sudut kuantitatif. UNDP (2004:75) pula sebagaimana definisi sebelumnya tidak menyatakan sebarang kategori terhadap definisi yang diutarakan ini.

Menurut Bank Dunia (2010) definisi dari sudut kepenggunaan ini diukur dari sudut sosial. UNDP (2004:74-75) pula tidak meletakkan sebarang kategori sewaktu mengutarakan definisi kemiskinan melalui perkara-perkara tersebut. Bagi UNDP (2004) definisi yang dikemukakan dari sudut kepenggunaan ini lebih tepat berbanding definisi yang menyatakan hal yang sama mengenai definisi dari sudut kuantitatif tidak tepat berbanding bentuk kualitatif libatkan ukuran kuantitatif.

---

<sup>1</sup>Menurut Bank Dunia (2010), indikator tersebut adalah berdasarkan pengiraan turun naik nilai mata wang terbaru pada tahun 2005.

Secara keseluruhannya definisi kemiskinan dari perspektif konvensional melihat fenomena kemiskinan yang berlaku dari sudut keperluan fizikal manusia. Keadaan ini turut membuatkan perlaksanaannya juga lebih tertumpu kepada bentuk-bentuk fizikal seperti menyediakan tempat tinggal, pekerjaan, kesihatan dan sebagainya. Hal ini berbeza sekali dengan tumpuan konseptual kemiskinan yang dilakukan dari perspektif Islam.

### **3.0 Konseptual Kemiskinan Dari Perspektif Islam**

Bagi memudahkan perbincangan mengenai konseptual kemiskinan menurut perspektif Islam, artikel ini akan membincangkan mengenai pihak yang terlibat secara langsung dalam kemiskinan sebelum membincangkan dengan lebih mendalam mengenai kemiskinan itu sendiri. Pihak yang dimaksudkan ini ialah golongan fakir dan golongan miskin.

Menurut Muksin (2004) dan Muhammad A. Shahbudin (1997), fakir dan miskin adalah dua kaum *dhuafa* (daif) yang berbeza tetapi statusnya hampir sama. Kedua-dua golongan *dhuafa* ini tidak mampu menguruskan kehidupan harian mereka kerana ekonomi mereka lemah. Menurut Muhammad A. Shahbudin (1997) fenomena miskin, fakir atau papa kedana kesemuanya mengambarkan kemiskinan. Perkara yang berbeza di antara golongan miskin dengan golongan fakir adalah tahapnya sahaja iaitu daripada individu yang memiliki sedikit harta sehingga tiada harta atau daripada individu yang memiliki sedikit pendapatan sehingga individu yang tidak memiliki pendapatan untuk memenuhi sedikit keperluan asas.

Definisi perkataan ‘kemiskinan’ yang berasal daripada perkataan ‘miskin’ dan perkataan ‘kefakiran’ yang berasal daripada perkataan ‘fakir’ juga, perlu dibincangkan. Hal

ini kerana miskin dan fakir hampir menyamai antara satu sama lain. Menurut Al-Rafi'i (*t.t*) perkataan ‘miskin’ dari sudut bahasa dalam kitabnya, *al-Mishbahul Munir*<sup>2</sup>, kemiskinan atau perkataan Arabnya *miskin* menerangkan keadaan pergerakan haiwan yang telah disembelih. Menurut Al-Rafi'i (*t.t*) lagi, golongan miskin mempunyai keadaan yang lebih baik berbanding golongan fakir berdasarkan maksud firman Allah SWT:

“Adapun perahu itu adalah ia dippunyai oleh orang-orang miskin yang bekerja di laut; oleh itu, aku bocorkan dengan tujuan hendak mencacatkannya, kerana di belakang mereka nanti ada seorang raja yang merampas tiap-tiap sebuah perahu yang tidak cacat”.

(Surah *al-Kahfi*, ayat 79)

Berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud ‘adapun perahu itu adalah ia dippunyai oleh golongan miskin’ Al-Rafi'i (*t.t*) menjelaskan, golongan miskin memiliki sedikit harta. Menurut Al-Rafi'i (*t.t*) lagi golongan fakir adalah tidak memiliki harta berbanding golongan miskin berdasarkan maksud firman Allah SWT:

“(Pemberian sedekah itu) ialah bagi orang-orang fakir miskin yang telah menentukan dirinya (dengan menjalankan khidmat atau berjuang) pada jalan Allah (membela Islam), yang tidak berupaya mengembara di muka bumi (untuk berniaga dan sebagainya); mereka itu disangka: orang kaya - oleh orang yang tidak mengetahui halnya, kerana mereka menahan diri daripada meminta-minta. Engkau kenal mereka dengan (melihat) sifat-sifat dan keadaan masing-masing, mereka tidak meminta kepada orang ramai dengan mendesak-desak. Dan (ketahuilah), apa jua yang kamu belanjakan dari harta yang halal maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahuinya”.

(Surah *al-Baqarat*, ayat 273)

Walaupun terjemahan perkataan لفقاء bermaksud ‘orang-orang fakir miskin’ tetapi terjemahan sebenar perkataan لفقاء bermaksud ‘untuk orang-orang fakir’. Berdasarkan firman Allah SWT tersebut, orang-orang fakir yang dinyatakan oleh Allah SWT bermaksud mereka tidak berupaya berusaha. Manakala golongan yang berada dalam kategori tersebut dinamakan

---

<sup>2</sup> Dipetik daripada M. Bahauddin al-Qubbani (1999: 17).

sebagai *faqir* (فقير) bagi seorang (*mufrad* / مفرد), manakala *fuqara'* (فُقَرَاءٌ) bagi ramai (*jama'* / جماع) (*Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah*, 1970)<sup>3</sup>.

Menurut Imam al-Ghazali (1988) pula, kekayaan hanyalah dimiliki oleh Allah SWT. Sebaliknya yang fakir itu adalah manusia. Beliau berpandangan demikian berlandaskan maksud firman Allah SWT:

“...Dan (ingatlah) Allah Maha kaya (tidak berhajat kepada sesuatu), sedang kamu semua orang-orang miskin (yang sentiasa berhajat kepada-Nya dalam segala hal)...”.

(Surah *Muhammad*, ayat 38)

Berdasarkan firman Allah SWT di atas, Imam al-Ghazali (1988) turut menyatakan bahawa manusia dikatakan fakir kerana mereka memerlukan kepada sesuatu. Manusia tidak dikategorikan sebagai fakir sekiranya mereka tidak memerlukan sesuatu. Melalui pentafsiran tersebut, hanya Allah SWT sahaja yang tidak memerlukan kepada sesuatu. Oleh itu, hanya Allah SWT sahaja yang kaya sedangkan manusia adalah fakir. Walau bagaimanapun, Imam al-Ghazali (1988) turut menjelaskan bahawa fakir yang dimaksudkan melalui penjelasan Surah *Muhammad*, ayat 38 tersebut bukanlah maksud fakir secara mutlak. Sebaliknya fakir juga boleh didefinisikan kepada manusia yang tidak memiliki harta yang diperlukan olehnya. Walau bagaimanapun, Imam al-Ghazali (1988) tidak membezakan antara miskin dan fakir. Sebaliknya beliau meletakkan kedua-duanya dalam golongan fakir berbanding al-Rafi'i (t.t) yang mengkategorikan kedudukan golongan miskin lebih baik berbanding golongan fakir.

Definisi kemiskinan yang telah dinyatakan di atas merupakan definisi yang dinyatakan menurut bahasanya sahaja. Hanya ada satu sahaja *hadith* Rasulullah SAW yang benar-benar menyatakan tentang maksud miskin iaitu:

---

<sup>3</sup> Dipetik daripada Zulkifli Mohd Yusoff (2009).

“Daripada Abu Hurairah RA bahwa Rasulullah SAW bersabda “Orang miskin itu bukanlah orang yang berkeliling meminta-minta kepada manusia, lalu ia diberikan sesuap, dua suap, sebuah dan dua buah kurma. Para sahabat bertanya: Kalau begitu, siapakah orang miskin itu, wahai Rasulullah? Rasulullah saw. bersabda: Orang yang tidak menemukan harta yang mencukupinya tapi orang-orang tidak tahu (karena kesabarannya, ia menyembunyikan keadaannya dan tidak meminta-minta kepada orang lain), lalu diberi sedekah tanpa meminta sesuatu pun kepada manusia”.

(*Hadith* riwayat *Muslim*, No.1722)

*Hadith* Rasulullah SAW telah menjelaskan bahawa golongan miskin adalah satu golongan di mana manusia tidak mengetahui kemiskinan yang dialami olehnya kerana mereka sabar serta menyembunyikan keadaan yang mereka alami. Walau bagaimanapun konsep dan pendekatan kemiskinan menerusi dalil-dalil tidak banyak disentuh dari perspektif Islam secara jelas. Namun begitu, jika diselidiki banyak dalil-dalil yang menyentuh tentang kemiskinan secara tersirat dalam *al-Qur`an* dan *al-Sunnat*. Terdapat tiga unsur yang ditekankan dalam Islam. Tiga unsur tersebut ialah *habl min Allah*, *habl min al-Nas*, keseimbangan antara yang ekstrim dengan yang zuhud<sup>4</sup>.

#### 4.0 Tanggungjawab Manusia Terhadap Kemiskinan

Berkenaan dengan unsur *habl min Allah* iaitu hubungan manusia dengan Allah SWT, Allah SWT telah menjelaskan bahawa sesiapa yang mengasihi golongan miskin, ia merupakan salah satu cara untuk memperoleh takwa. Maksud firman Allah SWT:

"Bukanlah kebijakan itu hanya menghadap muka kamu ke arah timur dan barat, tetapi kebijakan (yang sebenarnya) ialah beriman kepada Allah, hari akhirat, malaikat, kitab, nabi-nabi, bersedekah harta yang disayangi kepada kaum kerabat, anak-anak yatim, orang miskin, musafir, peminta-peminta sedekah dan hamba-hamba yang menuntut kemerdekaan, mendirikan solat dan menunaikan

<sup>4</sup> Terdapat banyak perbahasan yang membahaskan berkenaan zuhud seperti dalam kitab *Ihya' Ulum Al-Din* karya Imam al-Ghazali, istilah zuhud yang dimaksudkan di dalam penulisan ini adalah istilah yang berlawanan dengan ekstrim. Ekstrim ini juga boleh disama ertikan dengan melampau atau keterlaluan (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, DBP, 2010).

zakat, orang yang menepati janji apabila berjanji, orang yang sabar dalam kesempitan, penderitaan dan perperangan. Mereka itulah orang yang benar-benar beriman dan bertaqwa."

(Surah *al-Baqarat*, ayat 177)

Begitu juga dengan *hadith* Nabi SAW pernah berpesan yang menyatakan bahawa Allah SWT akan menarik balik janji-Nya untuk melindungi sesebuah masyarakat itu sekiranya mereka membiarkan salah seorang daripada anggota masyarakat tersebut berada dalam keadaan kelaparan. Maksud *hadith* tersebut adalah sebagaimana berikut:

"Jika salah seorang dibiarkan kelaparan walaupun hanya sekali, oleh ahli-ahli masyarakat satu bandar maka Allah akan menarik balik janji perlindunganNya terhadap masyarakat tersebut."

(Riwayat Imam Ahmad)<sup>5</sup>

Unsur kedua iaitu *habl min al-Nas* pula adalah menyentuh antara hubungan sesama manusia. Hubungan dalam konteks kemiskinan ini adalah lebih tepat lagi dihubungkan dengan hubungan antara golongan kaya dengan golongan miskin. Antara ingatan Allah SWT terhadap *habl min al-Nas* kepada golongan miskin adalah supaya tidak menaruh perasaan iri hati terhadap golongan kaya sebagaimana firman Allah SWT:

"Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang dikurniakan Allah kepada sebahagian kamu lebih banyak daripada sebahagian yang lain. (Kerana) bagi orang lelaki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan dan bagi para wanita pun ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan dan mohonlah kepada Allah akan sebahagian kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu."

(Surah *al-Nisa*, ayat 32)

Berdasarkan firman Allah SWT di atas, Allah SWT berfirman supaya manusia sentiasa mencari kurniannya tanpa merasa iri hati, dendam dan pelbagai sifat *mazmumat* (sifat buruk) yang lain. Hal ini kerana Allah SWT adalah Maha Kaya dan Maha Pemurah. Kemiskinan yang berlaku menurut Islam tidak sahaja ditujukan buat golongan miskin

---

<sup>5</sup> *Hadith* dipetik daripada Mansor Jusoh (1986:9)

sebaliknya golongan kaya turut sama-sama bertanggungjawab terhadap fenomena kemiskinan.

Hal ini telah difirmankan oleh Allah SWT kepada golongan kaya supaya harta yang mereka miliki tidak beredar dalam kalangan mereka sahaja, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Apa yang Allah kurniakan kepada Rasul-Nya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (SAW) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang-Nya kamu melakukannya maka patuhilah larangan-Nya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-Nya (bagi orang-orang yang melanggar perintah-Nya)”.

(Surah *al-Hasyr*, ayat 7)

Masih terdapat banyak dalil-dalil untuk golongan kaya berkenaan tanggungjawab mereka terhadap golongan miskin seperti dalam Surah *al-Dhariyat*, ayat 19 dan Surah *al-Isra'*, ayat 26.

Unsur yang ketiga iaitu Islam menunjukkan keseimbangan antara yang ekstrim dengan yang zuhud . Sebagaimana firman Allah SWT:

“Itulah adalah batas-batas Allah, maka janganlah kamu melampaunya; dan sesiapa yang melampaui batas-batas Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim”.

(Surah *al-Baqarat*, ayat 229)

Islam tidak menidakkkan hak individu yang berusaha gigih mengumpul harta. Islam juga tidak terlalu menidakkkan hal dunia sehingga membuatkan seseorang itu sukar untuk melakukan ibadah dan menyusahkan masyarakat sekelilingnya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan carilah (pahala) negeri akhirat dengan apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu, tetapi janganlah kamu lupakan bahagianmu di dunia dan

berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerusakan di bumi. Sungguh, Allah tidak menyukai orang yang berbuat kerusakan.”

(Surah *al-Qasas*, ayat 77)

Begitu juga dengan firman Allah SWT yang seterusnya mengingatkan manusia supaya tidak terlampaui boros membelanjakan harta dan juga tidak terlampaui kedekut dengan harta yang dimiliki. Allah SWT juga mengingatkan supaya bersederhana dalam menguruskan harta.

“Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu”.

(Surah *al-Furqan*, ayat 67)

Dua dalil sebelum ini merupakan antara firman Allah SWT yang menuntut supaya setiap pekerjaan yang ingin dilakukan oleh manusia perlulah berada di pertengahan. Iaitu di antara yang ekstrim dengan kezuhudan yang melampaui batas. Ia turut menjelaskan kedudukan harta dalam Islam. Islam menuntut supaya harta yang diperoleh digunakan dengan sebaiknya dan mencarinya adalah perlu untuk memudahkan manusia mengurus kehidupan mereka di atas muka bumi.

## 5.0 Perbandingan antara Konseptual Kemiskinan Konvensional dan Islam

Terdapat lima kelemahan yang dikesan melalui konseptual kemiskinan menurut perspektif konvensional berbanding konseptual kemiskinan menurut perspektif Islam. Kelemahan tersebut adalah sebagaimana yang terdapat dalam jadual berikut:

**Jadual 5.1: Analisis Perbandingan Antara Definisi Kemiskinan Konvensional Dengan Definisi Kemiskinan Islam**

<b>Unsur Dalam Definisi Kemiskinan</b>	<b>Konvensional</b>	<b>Islam</b>	<b>Analisis</b>
<b>Ketuhanan</b>	-	<i>habl min AlLah</i>	Konvensional menidakkan unsur ketuhanan
<b>Kemanusiaan</b>	-	<i>habl min al-Nas</i>	Hubungan sesama manusia dalam konvensional dikesampingkan
<b>Pendekatan</b>	Unsur ekstrim dan zuhud	Pertengahan	Islam menggunakan pendekatan di pertengahan di antara yang terlalu ekstrim dengan zuhud yang disalahertikan.
<b>Kesyumulan</b>	Terikat dengan multidisiplin	Syumul	Definisi yang diutarakan oleh konvensional sering berubah-ubah kerana terikat dengan multidisiplin yang pelbagai berbanding Islam yang lebih syumul sewaktu mengemukakan definisi.
<b>Keperluan manusia</b>	Jasmani sahaja	Jasmani dan rohani	Manusia terdiri daripada dua unsur iaitu rohani dan jasmani. Oleh itu, kedua-dua unsur ini perlu dipenuhi keperluannya sebagaimana Islam.

Kelemahan pertama konseptual kemiskinan konvensional sebagaimana yang dipaparkan dalam Jadual 4.1 ialah konseptual tersebut menidakkan hak ketuhanan sebagai salah satu komponen penting untuk mengurus fenomena kemiskinan yang berlaku. Hal ini berbeza sekali dengan Islam kerana Islam mengaitkan kemiskinan dengan unsur ketuhanan yang ada kaitannya Hari Pembalasan. Berbeza sekali dengan konseptual kemiskinan konvensional yang hanya meletakkan matlamat pembangunan dunia dalam usaha menghapus kemiskinan yang disifatkan oleh mereka sebagai suatu penyakit sosial.

Begitu juga dengan *habl min al-Nas* atau hubungan sesama manusia. Pendekatan-pendekatan yang diambil dalam pendekatan konvensional tidak melibatkan golongan kaya sebagai satu golongan yang turut tanggungjawab untuk menguruskan kemiskinan yang berlaku. Jika ada sekalipun, ia lebih dikatakan sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang kebanyakannya dilakukan oleh syarikat swasta. Selain itu, ada juga yang bersifat kebajikan (*endowment*) untuk individu yang prihatin. Kedua-duanya baru sahaja diperkenalkan kerana tiada dalam sebarang pemahaman ideologi pada peringkat awal sama

ada kapitalis, sosialis dan sebagainya. Berbeza sekali dengan Islam kerana Islam telah menunjukkan jalan penyelesaian untuk fenomena kemiskinan ini sudah sekian lama.

Pendekatan yang diambil oleh pendekatan konvensional dan Islam juga berbeza di antara satu sama lain. Definisi mengenai ideologi sosialis dan kapitalis telah menerangkan tentang pendekatan yang diambil oleh pendekatan konvensional tersebut. Selain itu, pendefinisan yang berbeza terhadap istilah kemiskinan adalah berpunca daripada anutan atau kepercayaan terhadap sistem ideologi yang berbeza antara seorang individu dengan individu yang lain. Menurut Afzal-ur-Rahman (1974), pandangan dan tanggapan sistem ideologi sama ada kapitalis mahupun sosialis yang berbeza-beza terhadap masalah ketidaksamaan ekonomi dan kemiskinan telah melahirkan konsep dan pendekatan yang berbeza. Sistem ekonomi kapitalis misalnya, mementingkan modal yang merupakan punca dan cara untuk mencapai hak dan kepentingan ekonomi sesebuah negara. Melalui modal yang banyak seseorang mampu keluar daripada kancang kemiskinan. Tetapi malangnya sistem tersebut membuatkan individu yang kaya terus menjadi kaya kerana mereka mampu menambah modal sedangkan golongan miskin tidak mampu berbuat demikian. Akhirnya, ini akan membuatkan kekayaan hanya akan terkumpul pada pihak yang kaya sahaja.

Menurut Afzal-ur-Rahman (1974) lagi, sistem sosialis yang terbentuk daripada kegagalan sistem kapitalis tetap gagal kerana terlalu memberatkan isu ketidaksamaan ekonomi yang wujud akibat sistem kapitalis. Keadaan tersebut akhirnya membuatkan hak-hak individu yang mendapat peluang memiliki modal diketepikan kerana kekayaan diagihkan sama rata dalam sesebuah masyarakat. Ia seolah-olah menidakkan hak golongan yang berusaha keras mendapatkan harta kerana hak tersebut diagihkan kepada semua masyarakat dengan sama rata sama ada anggota masyarakat tersebut berusaha gigih ataupun sebaliknya.

Islam tidak mengetepikan hak manusia untuk memperoleh kekayaan sebagaimana Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang dikurniakan Allah kepada sebahagian kamu lebih banyak daripada sebahagian yang lain. (Kerana) bagi orang lelaki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan dan bagi para wanita pun ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan dan mohonlah kepada Allah akan sebahagian kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

(Surah *al-Nisa`*, ayat 32)

Islam juga tidak membenarkan harta kekayaan yang dimiliki oleh seseorang semata-mata. Sebaliknya ia perlu diagihkan kepada golongan yang miskin dan golongan lain yang berhak<sup>6</sup> dengan jumlah kuantiti harta yang tidaklah membebankan golongan kaya untuk mengeluarkannya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta)”.

(Surah *al-Dhariyat*, ayat 19)

Pendekatan yang dilakukan kapitalis dan sosialis menampakkan unsur-unsur yang ekstrim. Dalam perspektif Islam ia menunjukkan keseimbangan antara ekstrim dan zuhud. Kemelut antara golongan ekstrim dan zuhud yang disalahertikan ini sebenarnya telah diselesaikan oleh Islam sebagai cara terbaik untuk mengurus aspek kehidupan manusia. Namun menurut Afzal-ur-Rahman (1974) mungkin kerana kesukaran untuk memisahkan antara aspek ekonomi dengan aspek kehidupan, saranan yang telah ditunjukkan oleh Islam sukar sekali untuk diikuti. Namun begitu, hal yang dijelaskan oleh Afzal-ur-Rahman (1974) ini perlu diselidiki dengan lebih mendalam kerana kedua-dua aspek tersebut tidak perlu dipisahkan. Ia perlu berjalan seiringan. Syariat Islam telah menetapkan bahawa ekonomi dan

---

<sup>6</sup> Golongan lain yang berhak di sini bermaksud asnaf-asnaf zakat seperti golongan hamba, orang yang bermusafir dan berhutang.

sosial merupakan perkara *muamalat* (perhubungan) yang penglibatannya adalah melibatkan manusia sesama manusia. Oleh itu, sudah tentu *muamalat* ini tidak boleh dipisahkan dengan aspek kehidupan manusia yang saling berhubung antara satu sama lain (Nik Abdul Aziz Nik Mat, 2008 dan Panel Kemuskilan Agama, JAKIM, 2010).

Bagi unsur keempat iaitu unsur kesyumulan, didapati konsep kemiskinan konvensional tidak mampu mengemukakan persamaan yang lebih komprehensif berbanding konsep yang dikemukakan oleh Islam. Keadaan ini juga membuatkan pendekatan yang diambil didapati gagal. Menurut MacPherson & Silburn (1998), konsep kemiskinan yang selari penting untuk menentukan kaedah atau langkah-langkah yang bakal diambil adalah berdasarkan pemahaman terhadap persamaan istilah kemiskinan. Oleh itu, penentuan konsep atau istilah kemiskinan yang tepat merupakan langkah awal untuk mengurus kemiskinan. Tindakan yang diambil selepasnya sama ada untuk membasmi, membantu, memulih, mendidik, memberi kebajikan dan sebagainya dapat dilakukan dengan berkesan berdasarkan konseptual kemiskinan yang tepat.

Walaupun telah terdapat penulisan-penulisan yang tidak bersetuju dengan konsep kemiskinan seperti oleh Lewis (1963), Sen (1979) dan Laderchi, Saith & Stewart (2003), mereka masih lagi terikat dengan unsur-unsur pemilikan harta sebagai penentu sama ada golongan tersebut adalah golongan miskin atau sebaliknya.

Laderchi et al. (2003) misalnya telah menyatakan adalah tidak salah sekiranya ramai pihak tidak bersetuju dengan konsep kemiskinan yang sedia ada. Menurut beliau lagi, perbezaan konsep kemiskinan berpunca daripada wujudnya multidimensi yang lahir daripada multidisiplin yang pelbagai. Keadaan tersebut menyebabkan terhasilnya istilah yang berbeza-

beza yang akhirnya melahirkan teori dan perbandingan empirikal yang berbeza-beza terhadap kemiskinan.

Muhammad Syukri Salleh & Fadzila Azni Ahmad (2000) turut berpendapat, kewujudan multidisiplin yang pelbagai telah membuatkan pendefinisian kemiskinan sukar untuk dilakukan. Selain daripada multidisiplin yang pelbagai, perbezaan ruang geografi, masyarakat dan masa juga menyukarkan penyelarasan konsep kemiskinan dilakukan. Ironinya kemiskinan yang sering dikaitkan dengan perkara-perkara negatif ini perlu diperhalusi sebaik mungkin kerana kegagalan untuk memhapuskan kemiskinan secara total dirasakan secara berterusan akan berlaku sekiranya pendekatan yang sedia ada terus diguna pakai. Berdasarkan statistik-statistik yang sedia ada menunjukkan kemiskinan terus menerus wujud walaupun pelbagai pendekatan terus menerus dilakukan. Berbeza dengan Islam, istilah kemiskinan yang dikemukakan tidak dikaitkan faktor-faktor sebagaimana yang telah dinyatakan di atas. Konsep kemiskinan tersebut bebas daripada pengaruh multidisiplin, ruang geografi, masyarakat dan masa.

Kelemahan konsep kemiskinan menurut perspektif konvensional yang seterusnya ia berkenaan dengan keperluan manusia. Manusia telah diciptakan oleh Allah SWT memiliki dua unsur iaitu unsur rohani dan unsur jasmani. Oleh itu, kedua-dua unsur ini perlu diberi penekanan supaya keperluan rohani dan jasmani manusia dipenuhi. Pendekatan konvensional masih terperangkap dalam konsep atau istilah yang menjurus kepada keperluan dari sudut jasmani semata-mata. Keperluan manusia hanya dinilai dari sudut keperluan jasmani sedangkan manusia sebenarnya memiliki dua unsur yang perlu dititikberatkan. Dua unsur tersebut ialah unsur rohani dan jasmani (Ibn Khaldun, 2006). Konsep kemiskinan yang hanya

dinilai dari sudut jasmani hanya dapat memenuhi keperluan jasmani. Keadaan ini menyebabkan unsur rohani manusia akan terabai.

Pengabaian unsur rohani manusia dalam konseptual kemiskinan yang diutarakan oleh UNDP (2004) dan Bank Dunia (2010) ini dapat dilihat kesannya melalui pendekatan-pendekatan yang diutarakan oleh kedua-dua badan tersebut. Antaranya adalah program yang dilancarkan oleh UN yang dikenali sebagai Matlamat Pembangunan Milenium (*The Millennium Development Goals, MDGs*) telah ditandatangani oleh 192 orang pemimpin dunia dan sekurang-kurangnya 23 organisasi antarabangsa pada Sidang Kemuncak Milenium Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Millennium Summit*) pada tahun 2000. Perjanjian tersebut telah mensasarkan lapan matlamat iaitu;

1. Menghapuskan kadar kemiskinan dan kebuluran.
2. Mencapai pendidikan asas yang universal.
3. Mempromosi kesamarataan jantina dan memperkasakan golongan wanita.
4. Mengurangkan kadar kematian anak.
5. Meningkatkan kadar kesihatan ibu.
6. Memerangi HIV (*Human Immunodeficiency Virus*) / AIDS (*Acquired Immunodeficiency Syndrome*), malaria dan penyakit lain.
7. Menjamin kelestarian persekitaran.
8. Membangunkan perkongsian global untuk pembangunan.

Berdasarkan kelapan-lapan matlamat yang telah digariskan, tidak terdapat satu matlamat pun yang digariskan bertujuan untuk memenuhi keperluan rohani manusia. Sebaliknya kelapan-lapan matlamat tersebut adalah untuk mengurangkan kemiskinan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah golongan miskin pada tahun 1990 menjelang 2015.

Konseptual konvensional yang biasa diguna pakai sama ada oleh Bank Dunia (2010), UNDP (2004) dan banyak lagi pertubuhan lain sama ada kerajaan mahupun swasta seolah-olah memiliki satu persetujuan yang sama terhadap definisi kemiskinan. Persetujuan yang

dimaksudkan ialah kemiskinan didefinisikan melalui sudut fizikal semata-mata. Ia terbukti apabila definisi-definisi yang dikemukakan adalah bersandarkan kepada wang ringgit, pendapatan, keperluan asas untuk hidup. Apabila diteliti konseptual yang dikemukakan tersebut, ia akhirnya akan kembali kepada faktor ketidakmilikan harta membuatkan seseorang itu berada dalam keadaan miskin. Keadaan inilah yang dikatakan perlu diatasi (Mansor Jusoh, 1986:32), diperangi (Hairi Abdullah, 1984:16), dibasmi (Chamhuri Siwar, 2003:41) dan sebagainya.

## **5.0      Kesimpulan**

Perlaksanaan sesuatu perkara akan terlaksana dengan baik setelah wujudnya pemahaman yang baik terhadap perkara yang ingin dilakukan. Menurut Robert & Alfred (2005:39) salah satu langkah untuk menganalisis sesuatu perkara adalah dengan memahami konsep berkaitan perkara yang ingin dianalisis. Memahami konsep sesuatu perkara penting supaya pemahaman terhadap sesuatu perkara benar-benar jelas sebelum proses analisis dilakukan. Rumusan konseptual yang baik sangat penting untuk membantu proses berfikir (Robert & Alfred, 2005:39).

Konseptual kemiskinan yang tepat hanyalah dapat ditonjolkan melalui perspektif Islam. Pengambilan perspektif Islam dalam mengetengahkan konsep kemiskinan amat penting supaya tindakan terhadap kemiskinan benar-benar tepat dengan keadaan yang sebenar. Kegagalan pendekatan terhadap fenomena kemiskinan sebelum ini adalah disebabkan konsep yang diguna pakai adalah konsep konvensional yang menekankan unsur material sahaja. Konseptual yang seimbang seperti konseptual yang dikemukakan oleh Islam. Konseptual dan

pendekatan menurut perspektif Islam ini lebih seimbang dan syumul dalam segala hal sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini.

## Rujukan

- Afzal-ul-Rahman. (1974). *Economic Doctrines of Islam*. Lahore: Islamic Publication Ltd.
- Al-Rafi'i. (t.t). *Al-Mishbahul Munir*. Mesir: Darul Ma'arif.
- Al-Qur'an dan Terjemahan Rasmi Rasm Uthmani* (1998). Arab Saudi: Mujamma' al-Malik Fahd Li Thiba`at al-Mush-haf asy-Syarif.
- Bank Dunia. (2010). "Overview: Understanding, Measuring And Overcoming Poverty" dlm. *Poverty Reduction & Equity*. Diakses dari <http://web.worldbank.org/WBSITE/EXTERNAL/TOPICS/EXTPOVERTY/0,,contentMDK:20153855~menuPK:373757~pagePK:148956~piPK:216618~theSitePK:336992,00.html> pada 27 Mei 2010.
- Chamhuri Siwar & Surtahman Kastin Hasan. (2004). *Ekonomi Malaysia*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Chamhuri Siwar. (2003). "Pembasmian Kemiskinan Bandar dan Krisis Kewangan: Isu, Maslah Prospek dan Cabaran" dlm. Nor Aini Haji Idris & Chamhuri Siwar (Eds.), *Kemiskinan Bandar dan Sektor Tidak Formal di Malaysia* (hlm.41-61). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hairi Abdullah. (1984). "Ayam di Kepuk Mati Kelaparan, Itik di Air Mati Kehausan" dlm. Hairi Abdullah (Ed.), *Kemiskinan Dan Kehidupan Golongan Berpendapatan Rendah* (hlm. 11-32). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibn Khaldun (2006). *Mukadimah Ibn Khaldun* (terj. Dewan Bahasa dan Pustaka). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Imam al-Ghazali (1988). *Ihya' Ulum Ad-Din*, (Jilid. 7). Indonesia: Penerbit Asli.
- Laderchi, C. R, Saith, R. & Stewart, F. (2003). "Does it Matter that we do not Agree on the Definition of Poverty? A Comparison of Four Approaches" dlm. *Oxford Development Studies*. Vol.31, No.3. hlm. 243-274.
- Lewis, O. (1998). "The Culture of Poverty" dlm. *Society*. Vol.35, No.2. hlm.7-9.
- MacPherson, S. & Silburn, R. (1998). "The Meaning And Measurement of Poverty". Dlm. *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah*. (1970). *Mu'jam Alfaz al-Qur'an al-Karim*. Mesir: al-Hay'ah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Ta'lif wa al-Nasyr.
- Mansor Jusoh. (1986). *Ketidaksamaan Ekonomi Dan Masalah Kemiskinan: Konsep Dan Pendekatan Islam*. Bangi: Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad A. Shahbudin. (1997). *Peringatan Dan Perkhabaran Untuk Si Miskin Dan Si Kaya*. Johor Bahru : Perniagaan Jahabersa.
- Muhammad Syukri Salleh & Fadzila Azni Ahmad. (2000). "Pengurusan Kemiskinan" dlm. Muhammad Syukri Salleh & Fadzila Azni Ahmad (Eds.) *Pengurusan Pembangunan Islam: Prosiding Seminar* (hlm. 97-172). Pulau Pinang: Diterbitkan bersama IDMP

(Islamic Development Management Project), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia dan Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Nik Abdul Aziz Nik Mat. (2008). *Akhlik Bermuamalat*. Kuala Lumpur: Anbakri Publika Sdn. Bhd.

Panel Kemuskilan Agama, JAKIM. (2010). "Ruang Soal Jawab Kemusykilan Agama" dlm. *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia* Diakses dari [http://baheis.islam.gov.my/web/musykil\\_new.nsf/92b\\_e69fae3f225\\_c048256\\_7f1005a8e7b/1826bcbe56ca4f75482573ba002e3b38?OpenDocument](http://baheis.islam.gov.my/web/musykil_new.nsf/92b_e69fae3f225_c048256_7f1005a8e7b/1826bcbe56ca4f75482573ba002e3b38?OpenDocument). Dilayari pada 21 Ogos 2010.

Pusat Rujukan Persuratan Melayu, DBP. (2010). *Pusat Rujukan Persuratan Melayu di DBP Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Robert, B. H. & Alfred, S. (2005). *Influencing Through Argument*. New York: International Debate Education Association.

Sayyid Quthb. (1992). *Tafsir Fi Zhilalil Qur'an Edisi Istimewa* (Jld.9) (Drs. As'ad Yasin trans. al. Terj.). Jakarta: Gema Insan Press.

Sen, A. (1979). "Issues in The Measurement of Poverty" dlm. *The Scandinavian Journal of Economics*. Vol.81, No.2. hlm. 285-307.

U. A. Aziz. (1969). *Renchana<sup>2</sup> Ekonomi dan Kemiskinan*. Singapura: Pustaka Melayu.

UNDP (United Nations Development Programme). (2004). *World Youth Report, 2003*. New York: United Nations Development Programme.

Zulkifli Mohd Yusoff. (2009). *Kamus al-Quran: Rujukan Lengkap Kosa Kata Dalam al-Quran*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.